



SEBAHAGIAN ibu bapa bersama anak masing-masing hadir mendengar ceramah kesihatan awam tentang autisme di KPJ Tawakal Health Centre, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Fahami tingkah laku anak autisme

ANAK adalah permata hati tiada galang-gantinya. Tidak kira sama ada anak yang dilahirkan itu normal atau ditakdirkan tidak sempurna, sebagai ibu bapa tetap akan melaksanakan tanggungjawab dan amanah memelihara serta mendidik anak sebaiknya.

Tidak dinafikan memiliki anak yang istimewa ini memang memberikan cabaran kepada ibu bapa, tetapi tidak boleh diletakkan sebagai beban sebaliknya menerimanya dengan hati yang terbuka.

Penasihat Psikologi KPJ Tawakkal Health Centre, Ignatius Lee berkata, jika telah ditakdirkan memiliki anak yang disahkan autisme, mulakan langkah dari awal supaya tumbesaran anak ini berjalan dengan lancar sekalipun cara untuk mendidik anak istimewa ini berbeza dengan kanak-kanak normal.

"Ibu bapa yang memiliki anak autisme harus belajar memahami tingkah laku supaya dapat mengawal apabila anak ini terutamanya apabila mula bertindak marah dan sebagainya," katanya.



IGNATIUS LEE

bintang hati

Oleh SHOLINA OSMAN
sholinaosman@gmail.com

pada ceramah awam bertajuk *Pengurusan Sikap - Memahami dan Mengendalikan Tingkah Laku Kanak-Kanak Autisme* anjuran KPJ Tawakkal, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau berkata, pemahaman tingkah laku kanak-kanak autisme ini sebenarnya amat penting bagi membolehkan ibu bapa dapat berhubung dengan apa sahaja bentuk tingkah laku kanak-kanak ini.

Ia termasuklah memberikan apa-apa arahan untuk diikuti oleh kanak-kanak berkenaan.

"Berikan arahan ini secara konsisten, jangan selalu berubah-ubah kerana akan membuatkan kanak-kanak berkenaan tidak faham dan gagal mengikut apa juga arahan di lain masa," katanya.

Ignatius berkata, jika ingin mengajar sesuatu hendaklah dilakukan dengan pantas,



SETIAP anak yang lahir merupakan anugerah yang tidak termilai buat ibu bapa. - GAMBAR HIASAN

umpamanya ketika mengenal sesuatu objek, kerana anak ini akan mudah memberi tumpuan

Tegasnya, ibu bapa kena bersiap sedia untuk melakukannya bersama supaya anak itu tidak berasa dirinya keseorangan semasa proses pembelajaran.

Bagaimanapun, jika cara pengajaran tadi lambat, katanya, ini akan membuatkan anak ini mudah bosan dan akan mengalih perhatian kepada perkara lain.

Beliau menjelaskan, jika ibu bapa mahu mengajar anak untuk

mahir dari A hingga Z, perlahan-lahan ulangkan huruf yang mudah dan diselang-seli huruf yang sukar.

"Contoh sebutan A agak susah berbanding dengan B, C dan D maka diaulang sebut AA B C A C D AA C D A B," katanya.

Ignatius berkata, jika kena kaedah pembelajaran ini maka kanak-kanak ini akan kurang menunjukkan tingkah-laku akibat rasa bosan.

Pastikan juga suasana pembelajaran dalam keadaan yang ceria dan kreatif.